

07/05/1998

Kamarul menang pertandingan cipta logo

KUALA LUMPUR, Rabu - Logo ciptaan Kamarul Khazim Sulaiman memenangi hadiah pertama dan mendapat RM5,000 dalam pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan 1998.

Kamarul, 27, mengalahkan 3,183 peserta lain.

Pemilihan itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet pada 29 April lalu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik berkata, penyertaan tahun ini meningkat 166 peratus.

Bagi pemenang saguhati kategori dewasa, 10 peserta masing-masing mendapat RM700, lima hadiah sagu hati (RM400) bagi pelajar serta lima hadiah sagu hati (RM200) diberi kepada murid sekolah rendah.

(END)